

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 22 JANUARI 2023  
AKHBAR : MINGGUAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 5

**Masa untuk turunkan harga makanan, minuman – Rafizi**

# Masa untuk turunkan harga makanan, minuman – Rafizi

Oleh ZAID MOHD. NOOR  
zaid.noor@mediamulia.com.my

**KUALA TERENGGANU:** Sudah tiba masanya pengusaha restoran dan kedai makan menurunkan harga makanan dan minuman mereka sekarang ini kerana harga barang mentah sudah mulai turun di pasaran.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, kebanyakkan harga makanan dan minuman di restoran didapati dinaikkan sehingga 30 peratus sebelum ini atas alasan peningkatan harga barang mentah.

Bagaimanapun, menurutnya, walaupun kebanyakkan harga barang mentah seperti minyak

masak sudah turun dan harga tarif elektrik tidak naik, kebanyakkan peniaga restoran masih mengekalkan harga yang dinaikkan itu.

“Masa barang (mentah) naik, peniaga menaikkan harga (makanan dan minuman) tapi susah nak turun balik harga bila harga barang mentah turun.

“Kita kena biasakan harga anjal supaya masa (harga barang mentah) naik, orang faham harga (makanan dan minuman) perlu naik tetapi bila harga turun kita harap ada penurunan,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas Konvensyen Pilihan Raya Negeri (PRN) Parti Keadilan Rakyat (PKR) Terengganu 2023 di

sini, semalam.

Sehubungan itu, Rafizi berkata, orang ramai dinasihatkan membuat perbandingan harga di restoran-restoran dan memilih restoran yang lebih murah.

“Kalau rasa restoran tersebut tidak turun (harga), kedai lain berdekatan lebih murah, kita tukarlah,” ujarnya.

Beliau menambah, kebanyakkan orang ramai juga tidak mengetahui atau tidak sedar harga barang di pasaran telah turun berbanding sebelum ini.

Jelasnya, keadaan tersebut menyebabkan terdapat dalam kalangan pengunjung restoran masih membayar makanan dan minuman pada harga tinggi.

Dalam pada itu, Rafizi yang juga Timbalan Presiden PKR memberitahu, parti itu dan UMNO akan mengadakan perundingan rasmi bagi menghadapi PRN di enam negeri yang tidak membubarkan Dewan Undangan Negeri (DUN) pada Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) sebelum ini.

Bagaimanapun, menurutnya, perbincangan awal secara tidak rasmi telah diadakan di beberapa negeri sebagai persediaan awal menghadapi PRN.

“Diharapkan menerusi runggingan rasmi itu nanti akan menetapkan parameter dan prinsip bersama PKR dan UMNO,” katanya.